

10 JUL 1999

Zainal-PAS

PAS MUNGKIN DIPERALAT HANCUR ISLAM DI NEGARA INI, KATA ZAINAL

PASIR PUTEH, 10 Julai (Bernama) -- PAS dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mungkin diperalatkan oleh negara luar untuk menghancurkan Islam di negara ini, kata anggota Majlis Tertinggi Umno (MT) Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir.

Beliau berkata, ini kerana pihak barat tidak menyenangi kejayaan negara yang dipimpin oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membangunkan umat Islam di negara ini dengan pelbagai program sehingga menjadi contoh kepada negara Islam lain.

"Kejayaan itu menyebabkan musuh-musuh Islam di luar negara merasa kedudukan mereka terancam dan sebelum merebak mereka berusaha menjatuhkannya dengan apa cara sekali pun termasuk melalui kegiatan politik," katanya ketika berucap merasmikan kursus penceramah Barisan Nasional peringkat Parlimen Pasir Puteh di sini, hari ini.

Zainal yang juga Ketua Penerangan Umno Kelantan berkata kedua-dua parti itu secara tidak langsung turut terbabit dengan mengeluarkan kenyataan yang boleh memecahbelahkan perpaduan umat Islam sehingga menguntungkan musuh.

Beliau berkata, pihak barat berpendapat selagi Umno terus memerintah adalah sukar bagi mereka menyemai pengaruh yang berbentuk penjajahan ekonomi dan politik seperti mereka lakukan terhadap negara-negara Islam lain.

"Ini berpunca kepimpinan negara begitu tegas mempertahankan prinsip dan maruah yang berasaskan tuntutan Islam ketika berhadapan dengan pemimpin mereka," katanya.

Menyedari hakikat itu, pihak berkenaan menjadikan kedua-dua parti itu sebagai alat dengan menyokong dan menggalakkan apa sahaja yang dibuat seperti mencarut dan menuduh Umno kafir walaupun diharam oleh Islam, katanya.

"Perbuatan seperti itu ternyata sekarang apabila ramai umat Islam tidak bertegur sapa, tidak menghadiri majlis kenduri dan menziarahi ketika sakit," katanya.

Beliau berkata bagi PAS mereka sanggup mengorbankan maruah parti yang mahu mewujudkan sebuah negara Islam, semata-mata ingin bekerjasama dengan DAP yang menjadi musuh ketat mereka selama ini kerana anti Islam.

Zainal berkata, pilihan raya umum akan datang merupakan paling getir dalam sejarah kerana Umno dan Barisan Nasional terpaksa menghadapi tentangan dari dalam dan luar negara.

Bagaimanapun, beliau berkata hasrat parti pembangkang itu tidak akan tercapai kerana rakyat di negara ini berfikiran matang dan dapat menilai buruk dan baik di samping mahu kemakmuran negara yang dikecapi sekarang dikekalkan menakala penerapan nilai-nilai Islam secara hikmah diteruskan.

--BERNAMA

WM RI